

Majukan wakaf pertanian, penternakan

**ISMAIL
OMAR**



KEMERDEKAAN membawa arus perubahan. Perubahan cara berfikir dan bekerja. Perubahan mental menentukan dimensi kehidupan yang lebih baik. Kalau dahulu, sebelum merdeka, rakyat di luar bandar mengamalkan budaya pertanian tradisional, sekarang cara berfikir dan bekerja mereka sudah bertambah maju.

Sebagai contoh, kira-kira 112,000 peneroka yang menerokai tanah Felda seluas hampir 500,000 hektar untuk ditanami kelapa sawit dan getah, telah bertukar kepada kegiatan pelaburan di peringkat antarabangsa dengan wujudnya Felda Global Ventures (FGV).

Mereka juga diberikan perumahan sebagai pilihan untuk generasi kedua terus menetap di tanah rancangan Felda. Mereka sudah diberitahu tatacara untuk mengusahakan ladang yang luas dan ternakan yang bersifat komersial. Ada yang mengusahakan ternakan ayam beribu-ribu ekor. Mereka juga sudah mula melibatkan diri dengan ternakan ikan sangkar yang bernilai tinggi.

Tidak ketinggalan juga ada yang mula menceburi perniagaan burung walet, ternakan dalam sangkar, tanaman herba, ternakan kelulut dan lebah madu dan sebagainya. Mereka mula belajar berniaga secara komersial. Ramai juga anak mereka yang berjaya, mendaki tangga menara gading dan akhirnya mendapat pekerjaan yang baik di negara ini.

Dilaporkan bahawa negara mengimport makanan bernilai RM45.5 bilion. Pada masa ini, pengeluaran beras hanya sekadar 72 peratus, daging lembu 28 peratus, daging kambing 28 peratus dan sayur-sayuran 33 peratus. Keadaan ini membimbangkan kita. Kita di ambang krisis makanan seperti pada 2008 dahulu.

Pada masa sama, tanah pertanian terbiar di seluruh negara. Banyak universiti awam yang hanya mengguna pakai kira-kira 65 peratus sahaja daripada tanah mereka. Terdapat agensi kerajaan yang mempunyai tanah-tanah kosong dan tidak digunakan sepenuhnya.

Salah satu cara menambah produktiviti dan sekuriti makanan adalah melalui wakaf pertanian. Diberitakan bahawa seorang petani di Yemen telah mewakafkan hasil



LANGKAH Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) menjayakan wakaf sawah harus dicontohi semua pihak. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

gandum daripada ladangnya setiap tahun untuk dihantar ke Mekah bagi memberi makan burung-burung. Maksudnya, wakaf pertanian, perladangan dan penternakan boleh diusahakan bagi menjana ekonomi ummah.

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah mengusahakan wakaf kelapa sawit manakala Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) telah menjayakan wakaf sawah bendang.

Di Negeri Sembilan, agensi berkaitan sedang merancang wakaf ladang herba. Kita harap akan wujud wakaf mempelam harumanis di Perlis dan wakaf kebun anggur di Sik, Kedah. Begitu juga dengan wakaf tanaman epal di Sarawak dan wakaf tanaman pir dan strawberi di Cameron Highlands.

Begitu juga dengan wakaf kebun kelapa pandan di Perak, wakaf limau tambun di Ipoh dan sebagainya. Tanaman kurma yang berjaya dijalankan di Kota Bharu, Kelantan dan Pontian, Johor amat membanggakan. Tanaman buah tin yang berjaya dijalankan di Sabak Bernam, Selangor juga amat menguja. Alangkah baiknya jikalau tanah-tanah pertanian terbiar dijadikan wakaf pertanian dan perladangan di seluruh negara.

Begitu juga dengan ternakan secara besar-besaran. Wakaf ternakan rusa secara besar-besaran mempunyai potensi yang besar. Begitu juga dengan ternakan seladang, kerbau, lembu dan kambing yang telah dimajukan di seluruh negara. Tidak ketinggalan ternakan ayam dan itik. Cuma jadikan ia satu bentuk wakaf penternakan

yang berdaya maju. Tidak ketinggalan juga ternakan ayam, ternakan puyuh, itik dan ayam belanda yang mempunyai potensi sebagai pilihan makanan. Bukan setakat kegunaan tempatan malahan boleh dieksport ke luar negara.

Barangkali masalah mendapatkan tanah yang sesuai menjadi kesukaran. Dilaporkan seluas kira-kira 120,000 hektar tanah pertanian yang terbiar di seluruh negara. Sama juga dengan tanah-tanah bekas lombong yang mempunyai potensi untuk dimajukan walaupun ia adalah tanah yang bermasalah untuk diusahakan tanaman, perumahan dan sebagainya.

Menurut Jabatan Pertanian, pada 2014, dianggarkan tanah bekas lombong (terutama bijih timah) terdapat seluas 300,000 hektar tanah bekas lombong di Malaysia terutamanya di Perak dan Selangor. Dengan keluasan yang begitu besar, sudah tentu kajian lanjut boleh dijalankan untuk mengetahui potensi sebenar yang ada.

Buat masa ini, terdapat beribu-ribu hektar tanah bekas lombong yang dimajukan dengan tanaman kontan seperti sengkang, salad dan kangkung, lobak dan sebagainya. Begitu juga dengan ternakan ayam itik, lembu, seladang, rusa, arnab, puyuh dan sebagainya. Tidak kurang juga hartanah perumahan, perindustrian dan perdagangan yang telah diusahakan.

Kita ada Universiti Tuanku Abdul Rahman dan Universiti Teknologi Petronas yang dibina di atas tanah bekas lombong. Kita ada Golf Resort dan Taman Tema Sun-

way Lagun yang juga dibina di atas tanah bekas lombong. Tanah bekas lombong boleh dijadikan wakaf irsyad melalui kurniaan kerajaan negeri kepada agensi berkaitan wakaf (ABW) dan boleh dimajukan secara perkongsian, usahasama dan sebagainya.

Tidak kurang usaha yang boleh dijalankan untuk memajukan kawasan universiti dengan wakaf ternakan dan perladangan. Terdapat sebuah universiti awam yang memiliki 800 ekar ladang kelapa sawit di Kota Tinggi, Johor untuk maksud penyelidikan manakala sebuah universiti di selatan tanah air telah menghasilkan tanaman kelapa sawit dengan pulangan lebih kurang RM36,000 setahun. Ada juga universiti yang mempunyai ternakan rusa dan kuda. Malangnya, belanjanya tinggi, hasil tidak seberapa.

Benarlah pertanian satu perniagaan. Justeru, kita perlu hidupkan program wakaf pertanian dan penternakan. Sudah pasti pertanian dan penternakan memerlukan pakej seperti bekalan baja, makanan dan strategi pemasaran. Maka, semua pakej berkaitan perlu dilihat semula. Inilah masa untuk melakukan transformasi. Kita adalah ejen transformasi untuk merubah nasib rakyat jelata. Sesungguhnya, wakaf pertanian dan penternakan menjamin sekuriti makanan bukan sahaja di negara kita, malahan boleh dieksport ke luar negara.

PROFESOR DR. ISMAIL OMAR ialah Pensyarah dan Felo Penyelidik di Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).